

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LOON [BUKIT BINTANG]**

**SOALAN : 62**

Tuan Fong Kui Loon [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi operasi SPRM melakukan tangkapan dan dakwaan ke atas penjawat-penjawat awam dan badan berkanun di pelbagai peringkat dari segi kes yang didakwa dan yang belum lagi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini berada di tahap yang terbaik dari segi maklumat, pembukaan Kertas Siasatan (KS), tangkapan serta tuduhan. Selain daripada itu, masyarakat juga memberi sokongan yang baik terhadap SPRM dari dulu sehingga sekarang adalah juga baik. Malah setahun kebelakangan ini, SPRM telah membuktikan

pembukaan Kertas Siasatan terhadap kes-kes yang melibatkan profil tinggi serta berkepentingan awam dilaksanakan tanpa campurtangan atau gangguan mana-mana pihak.

Kesan daripada tindakan SPRM ini, pegawai-pegawai awam sudah mula merasa gelisah dan kluatir akan tindakan SPRM terhadap mereka. Kerisauan dan kekluatiran pegawai-pegawai awam ini telah memberi petunjuk yang amat baik dan menarik agensi-agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dipelopori oleh SPRM.

Yang Berhormat,

Berikut adalah statistik bagi pembukaan Kertas Siasatan, tangkapan serta dakwaan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesionalisme serta Kumpulan Sokongan penjawat awam dan badan berkanun dari tahun 2016 sehingga Julai 2017.

KATEGORI	Kertas Siasatan		TANGKAP		TUDUH	
	2016	Julai2017	2016	Julai2017	2016	Julai2017
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	29	27	7	12	5	7
Kumpulan Pengurusan & Profesional	225	163	119	71	45	33
Kumpulan Sokongan	544	253	341	165	67	73
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>798</b>	<b>443</b>	<b>467</b>	<b>248</b>	<b>117</b>	<b>113</b>

Sekian, terima kasih.